



UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SEMIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JUN 2004 - APRIL 2007

Adalah dilaporkan bahawa kajian ini disediakan

oleh

NURIVANA BINTI TAJUDIN

2004424813

Bertajuk

**CADANGAN PENGUBAHSUAIAN REKABENTUK BARU DELICIOUS BY MS READ
CAFÉ DI, G1A TINGKAT BAWAH, PUSAT BELI-BELAH, BANGSAR VILLAGE,
BANGSAR BARU 59100 KUALA LUMPUR.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En Othman Mohd Nor _____

Koordinator : Cik Mawar Masri

for malineka Pranam
Ketua Kursus : Prof Madya Rusni Rani _____

(Nama) (Tandatangan / Tarikh)

PENGHARGAAN

Asalamualaikum w.b.t syukur alhamdulilah kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menyempurnakan laporan Projek tahun akhir saya ini iaitu Cadangan Rekabentuk Delicious by MS.READ Café di Pusat Membeli Belah Bangsar Village, Bangsa.

Pertama sekali diucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia dan juga coordinator kursus kerana telah bertungkus lumus membantu dalam proses menyiapkan kerja kursus ini dengan dan memberi tunjuk ajar yang terbaik bagi menyempurnakan laporan ini. Kerja kursus ini mungkin tidak akan akan siap tanpa bimbingan mereka. Kerjasama yang diberikan cukup memuaskan di mana terdapat komunikasi dua hala bagi memudahkan pemahaman dalam menyempurnakan laporan ini. Selain dari itu, laporan dan tunjuk ajar yang diberi dan tunjuk ajar yang diterima adalah sangat baik. Jutaan terima kasih sekali lagi di atas bimbingan dan rujukan yang diberikan kepada setiap individu yang terlibat terutama sekali kepada coordinator program Cik Mawar binti Masri serta penyelia Encik Othman Mohd Nor yang banyak membimbang dan memberi nasihat tanpa mengira waktu. Akhir kata dari saya, kerjasama dan juga tunjuk ajar dari semua pihak, amatlah dihargai dan akan saya kenang sepanjang hayat. Semoga laporan yang di sediakan ini menepati silibus yang di kehendaki.

ABSTRAK

Di dalam kajian ini dilakukan adalah untuk mewujudkan sebuah kafé makanan bukan saja untuk masyarakat di Malaysia malah ia juga sesuai untuk para pelancong yang datang dari luar Negara. Ia diwujudkan supaya masyarakat dapat mengenali serta mendekati dunia luar dan tidak hanya memandang pada makanan di Malaysia sahaja.

Antara kajian dan juga pengumpulan maklumat di dalam projek ini, di dapati terdapat faktor-faktor yang perlu dititikberatkan kerana ianya penting dalam menjayakan projek ini. Segala yang terkandung di dalam projek ini telah diteliti dengan baik supaya ianya dapat disempurnakan. Apa juga yang tersirat dan juga yang tersurat juga telah diteliti sebaik-baiknya. Tujuan projek ini dibuat adalah untuk mengenalpasti baik dan buruk sesuatu perkara sebelum merekabentuk ruang supaya ianya menjadi rekabentuk yang berjaya. Selain itu, konsep dan imej perlulah diterapkan bagi memenuhi kehendak klien dan juga kehendak pelanggan. Rekaan juga hendaklah direka supaya dapat mewujudkan satu persekitaran ruang yang berupaya membantu memberangsangkan pemikiran pelanggan. Elemen-elemen yang sesuai akan digunakan dalam proses merekabentuk ruang bagi mencapai kesinambungan antara konsep yang akan ditonjolkan di dalam rekaan. Dengan adanya projek ini, maka rekabentuk akan lebih sempurna

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.0 PENGENALAN	1
1.1 PENGENALAN KAJIAN	1
1.1.1 MATLAMAT	2
1.1.2 OBJEKTIF	2
1.2 KEPENTINGAN KAJIAN	3
1.3 KAJI SELIDIK	3
1.3.1 DATA PRIMER	
1.3.1.1 Kaji Selidik	3
1.3.1.2 Wawancara / Temubual	4
1.3.2 DATA SEKUNDER	4
1.3.2.1 Internet	4
1.4 KAEADAH METODOLOGI	5
1.5 KLIEN	6

1.0 PENGENALAN

Cadangan Pengubahsuaian Dalaman Baru ‘Delicious by MS READ’ kafe di G1A, Tingkat bawah, Pusat membeli-belah, Bangsar Village, 59100 Kuala Lumpur.

1.1 PENGENALAN KAJIAN

Tujuan utama matapelajaran Tesis adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar didalam menyediakan satu laporan berkenaan projek yang djalankan dengan menganalisa segala permasaalahan serta isu-isu yang timbul untuk dijadikan tesis. Projek yang akan dijalankan adalah merebentuk ruang dalaman di Tingkat bawah Pusat Membeli Belah Bangsar Village, Bangsar Baru, Kuala Lumpur untuk Delicious by MS READ Kafé. Dari segi permasaalahan dan isu perlu diambil berat bagi mendapatkan konsep rekabentuk kafe baru. Delicious kafe diwujudkan adalah untuk memperluaskan perniagaan yang banyak saingan dari pelbagai jenis Kafé yang tumbuh ibarat cendawan selepas hujan pada masa kini.

paragraph
alignment